

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 Julai 2023

AKHBAR : Berita Harian

PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1126702/undang-undang-khusus-anti-ali-baba-akan-diperkenal-rafizi>

Undang-Undang khusus anti-Ali Baba akan diperkenal - Rafizi



Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan memperkenalkan undang-undang anti-Ali Baba dalam usaha menghapuskan amalan berkenaan dalam sektor ekonomi di negara ini.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata pengenalan undang-undang itu perlu dibuat bagi memastikan usaha menghapuskan amalan Ali Baba tidak dibuat secara cakap kosong, sebaliknya menerusi akta khusus.

Beliau berpandangan, penyelesaian menyeluruh dan berstruktur diperlukan bagi menghentikan budaya Ali Baba, selain negara dianggarkan mengalami kerugian antara RM17 juta hingga RM18 juta susulan amalan terbabit.

Selain itu, katanya, amalan berkenaan perlu dihentikan kerana ia menjadi punca kepada rasuah dan ketirisan, sekali gus menjadi antara kelompongan utama ekonomi negara.

"Menghapuskan budaya Ali Baba dalam sektor ekonomi tidak boleh sekadar cakap kosong, tetapi perlu ada tindakan segera. Cerita mengenai budaya Ali Baba dalam ekonomi kita memang macam-macam.

"Perniagaan yang dimiliki oleh rakyat tempatan tetapi disewakan kepada warga asing. Bina projek sepatutnya harga murah, tetapi jadi mahal kerana ada yang ambil 'persen' (komisen).

"Justeru, Kerajaan Perpaduan akan gunakan kaedah akta dengan memperkenalkan undang-undang anti-Ali Baba untuk kita haramkan amalan terbabit.

"Saya berharap kerangka undang-undang ini dapat menyelesaikan antara ketempangan utama ekonomi negara," katanya menerusi kenyataan di Twitter malam ini.

Datuk Seri Anwar Ibrahim Selasa lalu, dipetik berkata, kerajaan dalam proses merangka dasar anti-Ali Baba bagi menangani kesan negatif budaya itu terhadap ekonomi.

Perdana Menteri berkata, Kementerian Ekonomi dan Jabatan Peguam Negara akan mengkaji, merangka dasar serta strategi perundangan bersesuaian bagi membanteras kegiatan berkenaan.

Felo Kanan Majlis Tindakan Ekonomi Melayu, Azlan Awang semalam, pula mendakwa syarikat terbabit dengan amalan 'Ali Baba' kebiasaannya adalah syarikat kroni yang mempunyai 'kabel' untuk melobi, lazimnya hanya untuk mengambil komisen.

Justeru, beliau berkata, sepatutnya hanya syarikat Bumiputera yang memiliki sumber dan pengalaman, layak diberi peluang dalam kontrak kerajaan sebagai kaedah memastikan amalan 'ali baba' dalam perniagaan dapat ditangani.